

74. Perbandingan Religiositi Menurut Perspektif Islam dan Barat

Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long, Zaizul Ab Rahman
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

ABSTRAK

Religiositi adalah satu istilah yang semakin meluas penggunaannya dalam kalangan sarjana. Ia dikaitkan dengan pelbagai definisi mengikut pandangan dan ideologi mereka. Sejarah religiositi dilihat semakin berkembang berikutan lahirnya beberapa teori sama ada dalam kalangan para sarjana Islam atau sarjana Barat. Teori mereka boleh diteliti menerusi kajian yang telah dilakukan sejak hampir sembilan dekad lalu. Kajian ini bertujuan mengetengahkan perbandingan religiositi dari perspektif Timur dan Barat serta menilai beberapa *gap* hasil daripada perbezaan tersebut. Perbincangan ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis teks dan kajian sejarah. Artikel ini dibahagikan kepada empat bahagian, pertama konsep religiositi dari perspektif sarjana Muslim dan sarjana Barat. Kedua, membincangkan kaitan epistemologi Islam dan Barat dalam kerangka konsep religiositi, ketiga, membincangkan tema-tema persamaan dan perbezaan antara Muslim dan sarjana Barat. manakala keempat, menganalisis metodologi perbahasan. Penulis merumuskan isu religiositi telah dibincangkan oleh kalangan sarjana Islam dalam terminologi yang berbeza berbanding dengan Barat yang lebih menggunakan pendekatan “*man centric*”.

Kata kunci: religiositi, sarjana Islam dan Barat.

Pendahuluan

Istilah religiositi adalah merujuk kepada penghayatan hidup beragama. Ia juga merujuk kepada penerapan asas agama melalui modul religiositi yang lebih mengutamakan aplikasi dan penghayatan agama itu sendiri. Beberapa definisi telah dibuat oleh para sarjana yang merujuk kepada maksud religiositi. Bermula dengan definisi yang dilontarkan oleh para sarjana ia membawa kepada perbincangan secara langsung tentang perkembangan religiositi dalam konteks yang lebih tersusun. Tajuk ini amat penting untuk diketengahkan kerana ia memberi impak yang besar dalam memperbahaskan konsep religiositi serta mampu memberi pandangan yang jelas tentang penggunaan istilah tersebut di semua peringkat dan tidak terbatas.

Konsep Religiositi Dari Perspektif Sarjana Muslim dan Sarjana Barat

Religiositi dari perspektif Islam merujuk kepada menjadikan keseluruhan ajaran Islam sebagai *al-Din* atau tatacara hidup. Ia bergantung kepada sejauh mana ajaran Islam itu dihayati dalam kehidupan seseorang bergantung kepada setinggi mana keimanan seseorang itu yang dibahagikan kepada tiga tahap iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Dengan itu konsep penghayatan Islam dapat difahami dengan lebih jelas melalui istilah *Din* itu sendiri yang menjadikan keseluruhan ajaran Islam sebagai tatacara hidup (*hayyah mutadayyinah*) yang sempurna dan diredhai Allah s.w.t. Hal ini jelas menunjukkan kaitan iman dan agamanya serta akhlak yang dilahirkan daripada kedua-duanya (Azma, 2006).


Abdul Rahman al-Nahlawi (2000) menyebut daripada penggunaan *Din*, maka Islam merupakan sistem agama atau sistem Ilahi yang sempurna dan mencakupi seluruh sistem kehidupan yang didasarkan atas ketundukan dan penghambaan kepada Allah serta memegang teguh segala hal yang datang dari Rasulullah s.a.w. Religiositi memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah-laku, personaliti (Ahmad Raba, 2001), ketenangan emosi (Hasnan Kassan, 2002) keyakinan diri manusia (Yusuf Qardhawi, 1985) serta kebahagiaan hidup (Hamka, 1997). Zakaria Stapa (2002) menyatakan religiositi dari perspektif Islam diistilahkan sebagai kegiatan hidup yang berasaskan agama atau kehidupan beragama dan ia merujuk kepada penghayatan Islam sebagai satu cara hidup yang merangkumi aspek-aspek aqidah, ibadat dan akhlak. Manakala konsep *al-tadayyun* atau beragama pula dilihat bukan sekadar ritual, cara berkeluarga, cara bekerja semata-mata malah mencakupi segala

dimensi ruang lingkup yang ada sehingga ia (Islam) menjaga penghayatan Islam atau *al-Din* yang wujud dari segi makna dan fizikal. Jelas konsep religiositi dalam Islam adalah berasaskan *al-Din* yang meliputi semua dimensi kehidupan sama ada berkaitan rohaniyyah dan jasmaniyyah.

Jika diamati konsep religiositi di Barat ia berasaskan agama Kristian yang meliputi kombinasi kognitif, emosi dan tindakan (Whaling 1995), sejagat (*universal*) serta melahirkan keimanan (*faith*) mereka melalui tiga cara iaitu tingkah laku seperti *rituals*, kepercayaan seperti percaya kepada perkara ghaib dan pengalaman seperti *mystical state* (Spilka, 2003). Para sarjana Barat telah membangunkan lebih daripada 523 alat pengukuran religiositi dalam bentuk psikometrik sejak 1935 hingga 1996 (Hill & Hood, 1999) daripada perspektif agama Kristian. Kebanyakan kaji adalah berkaitan tingkah laku remaja dan *psychoticism*. Konsep yang diterapkan dalam setiap kajian adalah bertujuan memberi penilaian seterusnya membuat perbandingan bagi yang mempunyai tahap religiosity yang tinggi atau sebaliknya.

Kaitan epistemologi dalam kerangka konsep religiositi Islam dan Barat


Pelbagai teori dan konsep religiositi telah dinyatakan oleh para sarjana Islam terdahulu seperti Ibn al-^cArabi (1165-1240), diikuti oleh Ahmad Shalaby (1968), Syed Muhammad Naquib (1978), Haron Din (1992), Al-Nahlawi (2002). Pelbagai teori dan konsep juga telah lahir (Hatta Shaharom et.al 1996) yang menghasilkan skala pengukuran Hatta (Hatta Islamic Religiosity scale 1996), Hanafiah M. Salleh et.al. (2000), Badlisham Mohd Nasir dan Mohd Hisham Ramli (2003), Jamiah Manap (2004), Jas Laile Suzana Jaafar (2005), Jamiah Hj Manap et. al. (2006), azma (2006), Nor Salimah Abu Mansor & Zainab Ismail (2006), Fatin Hazwani Siran (2007), Ahmed & Khalek (2007). Kumpulan penyelidik IRFA religiositi Azimi Hamzah et. al. (2007) Khairul Anwar Mastor (2008), Hazura Ab Bakar. (2009), Jamiah Hj. Manap et al. (2010), Md Noor Saper (2012), Rafiza Mohamed (2013) dan lain-lain. Kesemua kajian tersebut adalah diasaskan oleh konsep yang sama iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Kerangka konsep dalam kajian sarjana Islam boleh diperhatikan melalui rajah 3.1.



Rajah 3.1


Skala penilaian religiositi (Sumber: Azma 2006)

Rajah 3.1 adalah merupakan skala penilaian religiositi yang kemudiannya diperkembangkan dan diperbahaskan berdasarkan pandangan para sarjana untuk menghasilkan penambahan dari sudut teori dan konsep. Pandangan yang menunjukkan perkaitan antara akidah, ibadah dan akhlak tersebut disokong oleh Zakaria Stapa (2002b) dan Malik Badri (2002) yang menyatakan bahawa ibadah itu satu daripada perkara yang boleh mengukuhkan akidah. Skala tersebut kemudiannya dikembangkan seperti rajah 3.2 yang menerangkan sekali gus tentang konsep religiositi dalam acuan Islam.



Rajah 3.1
Konsep asas religiositi Islam (Sumber: Rafiza Mohamed (2013))

Aplikasi konsep religiositi di Barat bermula sejak 1930-an lagi (Azma 2006). Bermula dengan Brown (1934), Thouless (1935), Maslow (1943), Dunkel (1947), Leovinger (1966), Kohlberg (1968), Clayton (1971); Clayton dan Gladden (1974); Broen (1975); Spilka & Minton (1975); De Jong et al. (1976); Batson (1976), Brown & Forgas (1980); Meadow Kahoe (1984); Francis & Pearson (1985); Caird (1987); Francis & Pearson (1988); Sappington & Baker (1995); Katz & Francis (1995), Glover (1996), Wilde & Joseph (1997), Hill&Hood (1999), Harris et. al. (2002), McNamara et al. (2003), Egan Elizabeth et. Al. (2004), Jorm et.al.(2004), Burke et. al. (2005), Higginbotham et. al. (2007), Hair et. al. (2008), Kozaryn (2009). Kesemua kajian tersebut dilihat melahirkan beberapa teori dan model religiositi serta perkembangan model berasaskan konsep dan teori awal Brown dalam rajah 3.2.



Sumber: Meadow & Kahoe 1984


Kedua-dua konsep pengenalan religiositi dalam rajah 3.1 dan 3.2 telah memberi gambaran yang jelas tentang kaitan kerangka konsep Islam dan Barat. Daripada kerangka konsep jelas persamaannya dari sudut kepercayaan dan keimanan berasaskan agama masing-masing. Malah jika diamati ia konsep yang diasaskan oleh Brown seolah-olah divedok dari kepercayaan dalam agama Islam.

Tema-tema persamaan dan perbezaan Muslim dan Barat

Pelbagai tema dan indikator yang muncul hasil perbincangan religiositi Islam dan Barat. Terdapat sedikit persamaan tema dalam istilah yang berbeza. Fakta yang mendakwa setiap perkembangan daripada pola pengamalan kepada pola intrinsik memerlukan seseorang konsisten di samping meneruskan aspek-aspek pengamalan, mereka perlu menghayati suruhan agamanya dan

menjadikan dirinya berkhidmat untuk agama dan bukannya agama berkhidmat kepadanya (Allport & Ross 1967). Di dalam Islam keadaan seperti ini disebut Jihad untuk agama Islam yang menuntut setiap penganut Islam mempertahankan kesucian Islam dengan erti kata lain berkhidmat untuk mempertahankan Islam sebagai agama terbaik. Jika diperhatikan dan diperhalusi teori perkembangan ini ia banyak memberi ruang kepada individu untuk berfikir pembawakan ekstrinsik melalui kepatuhan seterusnya melingkari intrinsik dan berakhir dengan autonomi. Menurut Azma (2006) Pergerakan pola ke arah autonomi merupakan langkah yang menjangkau kepercayaan intrinsik. Sebenarnya tidak ramai peribadi beragama yang dapat mencapai peringkat intrinsik apatah lagi peringkat autonomi. Mereka yang berada di peringkat ini mencapai kebebasan dalam pemikiran dan amalan agama seperti (sufi dan wali). Teori perkembangan ini didakwa sejajar dengan teori keperluan Maslow (1943), teori perkembangan ego Leovinger (1966), peringkat-peringkat perkembangan moral Kohlberg (1968) dan peringkat-peringkat dalam perkembangan agama Fowler (1975). Model-model dan teori-teori yang dikemukakan di atas menunjukkan jenis orientasi atau gaya religiositi seseorang. Dari perspektif pengukuran, model-model tersebut menampakkan tahap religiositi yang berbeza dan sekali imbas susunan teori dalam teori perkembangan religiositi individu seakan-akan ada persamaan dengan aspek beragama orang Islam seperti solat (Azma 2006). Namun sebagai pengkaji sikap berwaspada dan berprinsip perlu ada agar kajian tidak dipengaruhi oleh mana-mana teori selain daripada Islam.

Tema antonim yang muncul adalah berkaitan agama. Religiositi yang diterjemahkan oleh Islam sebagai *al-Din* jelas menunjukkan perbezaannya kerana ia disandarkan kepada *al-Din* yang sangat mulia. Tiada sebarang argumentasi dalam meletakkan *al-Din* pada kedudukan tersebut. Di dalam al-Quran Allah s.w.t. telah menghubungkan istilah Islam dengan agama (*al-Din*). Antaranya ialah:



إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ
(al-Quran, Ali-^cImran 3: 19)

Maksudnya:

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ
(al-Quran, Ali-^cImran 3: 85)

Maksudnya:

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا
(al-Quran, al-Maidah 5: 3)

Maksudnya:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

Menerusi ayat-ayat di atas Abdul Rahman al-Nahlawi (2000) menyebut daripada penggunaan *Din*, maka ia menjelaskan itu konsep penghayatan Islam dapat difahami dengan lebih jelas melalui istilah *Din* itu sendiri (Azma 2006). Aspek kekuasaan yang Maha Mutlak (al-Mu'minin 40:64-65, al-Baiyyinah 98:5), penyerahan diri zahir dan batin yang disertai dengan ketaatan dan kesetiaan kepada kekuasaan tersebut (al-Anfal 8;83, al-Zumar 39:2-3,11-15), Iman dan amal di bawah kawalan pihak yang Maha Mutlak kekuasaanNya itu (Yusuf 12:40, al-Rum 30:29-30, al-Kafirun 109:6), serta ganjaran yang diberikan sebagai timbal balik kepada yang berbuat baik mahupun buruk, kepada yang tunduk pada peraturan yang ditentukan pihak yang Maha Mutlak kekuasaanNya atau yang menyeleweng daripadanya (al-Zariyat 51:5-6, al-Infitar 82:17-19, al-Ma'un 107:1-3) merupakan empat perkara yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Di sinilah berlakunya perbezaan yang fundamental antara konsep *religion* menurut perspektif *Judaeo-Christian* dengan Islam di mana kehidupan agama bagi mereka adalah semata-mata spiritual dan terpisah dengan kehidupan duniawi (Abu al-A'la al-Maududi, 1981).

Justeru perbezaan ini yang menjadi meletakkan Islam itu sebagai satu agama yang mempunyai konsep yang berlainan bersesuaian dengan pengiktirafannya di dalam al-Quran. Walaupun terdapat sedikit persamaan dari beberapa serpihan teori dalam menghuraikan teori, namun masing-masing mempunyai kedudukan yang tersendiri yang bersempadan.

Analisis Metodologi Perbahasan

Hasil daripada teori dan konsep yang dikupas dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa reigositi sebenarnya diakui oleh para sarjana sebagai satu penghayatan yang akhirnya akan melahirkan kepatuhan. Namun ia seakan terhenti pada satu-satu peringkat iaitu intrinsik dan autonomi dan seolah-olah tiada apa lagi hubungan selepas itu. Pengkaji berpendapat hal ini berlaku kerana ia tidak dihubungkan sepenuhnya dengan ketuhanan. Menurut Ahmad Shalabi (1966) seseorang Muslim akan lebih dekat dengan agamanya apabila ia semakin kenal agamanya. Manakala seseorang yang menganut agama lain akan berlaku sebaliknya. Hal ini memberikan kita satu kefahaman bahawa pemahaman yang mendalam mendorong seseorang mencari kebenaran.

Menurut Zakaria Stapa (2002) peringkat akhir peribadahan itu dihubungkan terus dengan kehidupan akhirat yang menyediakan pembalasan. Bagi peringkat akhir penghayatan seperti perasaan *fana'* dalam istilah kesufian dihubungkan terus dengan kecintaan kepada Allah s.w.t. yang melahirkan tingkah laku yang sangat baik. Dapatan ini menunjukkan bahawa religiositi mampu mempengaruhi personaliti seseorang. Kajian yang dilakukan oleh Caird (1987), Francis, Lankshear dan Pearson (1989) dan Wilde dan Joseph (1997) menunjukkan bahawa agama mempunyai korelasi negatif dengan *psychoticism*. Fakta ini jelas membuktikan sekiranya manusia mempunyai penghayatan religiositi yang tinggi maka emosinya akan lebih stabil dan tenang. Dengan erti kata lain mereka tidak mengalami masalah gangguan jiwa.

Rumusan

Menerusi dapatan kajian yang diperolehi maka dapat dirumuskan dengan ringkas yang mungkin bahawa religiositi adalah istilah yang digunapakai untuk menggambarkan cara hidup dan penghayatan seseorang dalam beragama. Ia jelas membawa seseorang lebih dekat dengan Tuhan dan melahirkan rasa kecintaan yang tinggi kerana lebih mengenali agamanya. Ia juga melahirkan personaliti yang baik, emosi yang stabil dan komprehensif. Penggunaan istilah tidaklah memadamkan maksud sebenar. Apa yang lebih utama kajian ini memberi kefahaman kepada kita tentang teori dan perkembangan religiositi yang akhirnya melahirkan keyakinan dan impak kepuasan dalam semua aspek kehidupan. Konsep pengukuran dari sudut numerikal atau sebaliknya adalah untuk tujuan yang sama iaitu untuk mendapatkan impak religiositi yang baik untuk penghayatan bagi setiap agama. Istilah religiosity ini boleh digunakan tanpa sempadan namun pengertian, pengisian, konsep serta teori hendaklah digunakan dengan sempadan supaya tidak ada pertindihan yang membawa kepada kekeliruan dalam agama masing-masing.

Rujukan

- Al-Quran.
Ahmad Shalaby. 1966. *Bandingan Agama Bahagian Agama Masehi*. Singapura: Pustaka Nasional.
Ahmad Shalaby. 1968. *Perbandingan Agama-Agama Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
Allport, G.W. 1996. The Religious Context of Prejudice. *Journal for The Scientific Study of Religion*, 5: 447-457.
Azma Mahmood. 2006. Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
Caird D. 1987. Religiosity And Personality: Are Mystic Introverted, Neurotic or Psychotic? *British Journal of Social Psychology*. Vol. 26: 345-346.
Francis L.J. & Pearson P.R. 1988. Religiosity and The Short-Scale EPQ-R Indices of E, N and L, Compared With The JEPI, JEPQ, and EPQ. *Personality and Individual Differences*. Vol. 9(3): 653-657.

- al-Hambali, Ibn Rajab Zainuddin Abil Faraj Abd Rahman Ibnu Syihabuddin Ibn Ahmad. 1988. *Jami' al-Ulum wa al-Hikam*. Beirut: Muassasah al-Kutub Ath Thaqafah.
- Haron Din. 1992. *Tasawwur Islam*. Shah Alam: Hizbi.
- Hill, P.C., Hood, R.W. 1999. *Measures of Religiosity*. Birmingham, Alabama: Religious Education Press.
- Ibnu Taimiyyah. 1988. *Al-Iman*. Terj. Kathur Suhardi. Jakarta Timur: Darul Falah.
- Jamiah Manap, et al., 2004. Prinsip pengukuran Religiositi dan Personaliti Religiositi. Hlm. 349-355. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. T.th. *The Station of Muraqabah*. Kaherah: Dar al-Kutb.
- Muhammad Nasib al-Rifa'i. 2000. *Ringkasan Tafsir Ibnu Kathir*. Jilid 1. Jakarta: Gema Ihsani Press.
- Rafiza Mohamed, 2013. Tret Personaliti dan Religiositi gelandangan Muslim di Pusat Rujukan Intervensi Anjung Singgah (PRIAS). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Spilka, B., Hood, R.W., Hunsberger, B., Gorsuch, R. 2003. *The Psychology of Religion: an Empirical Approach*. Ed. Ke-3. New York: The Guildford Press.
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. 2002. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Tafsir al-Quran. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. 2001. Cetakan Ketiga Belas, Kuala Lumpur. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Wilde Alex & Joseph Stephen. 1997. Religiosity and Personality in a Moslem Context. Personality and Individual Differences. *Jurnal of Education and Psychology*. Vol. 23 (5) : 899-900.
- Whaling, F.1995. *Theory and Method in Religious Studies: Contemporary Approaches to the Study of Religion*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Zakaria Stapa. 2002. Akhlak Islam dan Gaya Hidup Muslim Semasa: Analisis Konsep dan Agenda Bertindak. *Jurnal Yadim*. Jun: 51-65.

